

26/08/2000

Dorsett Regency mengimbau semangat merdeka

SEMPENA ulang tahun kemerdekaan ke-43 yang diraikan pada 31 Ogos ini, Hotel Dorsett Regency di ibu negara, turut mengadakan perayaan Nostalgia Merdeka mulai Rabu lalu sehingga akhir bulan ini bagi menyemarakkan semangat merdeka di kalangan rakyat dan pengunjung hotel berkenaan.

Sehubungan itu, Kafe Checker di tingkat satu hotel terbabit mengalami perubahan wajah dengan dihiasi peristiwa detik kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos 1957.

Potret Perdana Menteri Malaysia daripada Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn sehingga Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut dipamerkan selain budaya pelbagai kaum di negara ini.

Usaha itu sebagai tanda terima kasih kepada pemimpin dan rakyat negara ini yang berjaya membawa Malaysia merdeka dan menjadi negara makmur pada alaf baru.

Perayaan Nostalgia Merdeka itu dirasmikan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengurus Besar hotel berkenaan, Hadi Yusuf, pemilik Kumpulan Syarikat Far East, Datin Nancy Chiu dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Syarikat Far East, Eva Hui.

Hotel yang menggunakan tema `Malaysia adalah benar-benar Asia' itu juga hotel pertama di ibu negara menggunakan pendekatan yang digalakkan kerajaan seperti menggunakan pakaian tradisional untuk kakitangan hotel, menyambut tetamu dengan meletakkan tangan kanan di dada dan menghidangkan pelbagai pilihan makanan tempatan.

(END)